



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
RANGKAIAN INFRASTRUKTUR GENTIAN OPTIK JALUR
LEBAR ALLO TECHNOLOGY PERINGKAT NEGERI
MELAKA BAGI MENYOKONG PELAN JALINAN DIGITAL
NEGARA (JENDELA)
TARIKH: 5 APRIL 2021 (ISNIN) , MASA: 10.00 PAGI
DI DOUBLE TREE HILTON, MELAKA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamit Dunia.

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS;

**YANG BERHORMAT DATUK SERI AB RAUF BIN YUSOH,
SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA;**

**YANG BERHORMAT DATUK SERI DR. HASIM BIN
HASAN,
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA;**

**YANG BERHORMAT SENATOR DATO' SERI HAJI
MOHAMAD ALI BIN HAJI MOHAMAD,
TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA;**

**YANG BERTHORMAT DATUK ROSLAN BIN HJ AHMAD,
EXCO KERJA RAYA, PENGANGKUTAN AWAM,
KEMUDAHAN AWAM DAN INFRASTRUKTUR NEGERI
MELAKA;**

**YANG BERTHORMAT AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
KERAJAAN NEGERI MELAKA;**

**YANG BERTHORMAT DATO' SERI MAHDZIR BIN
KHALID,
PENGERUSI TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB);**

**YANG BERBAHAGIA DATUK IR. BAHARIN DIN,
PRESIDEN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF TENAGA
NASIONAL BERHAD (TNB);**

**YANG BERUSAHA ENCIK LIM FU YEN,
PENGERUSI ALLO TECHNOLOGY SDN. BHD.;**

**YANG BERUSAHA ENCIK RODZI AHMAD,
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ALLO TECHNOLOGY
SDN. BHD;**

**SETERUSNYA, YANG BERBAHAGIA DATUK-DATUK,
DATIN-DATIN, DIF-DIF KEHORMAT, RAKAN-RAKAN
MEDIA; SERTA SEMUA HADIRIN DAN HADIRAT
SEKALIAN.**

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, pertamanya syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya, kita dapat hadir ke Majlis Perasmian Rangkaian Infrastruktur Gentian Optik Jalur Lebar Allo Technology Peringkat Negeri Melaka. Kita sedia maklum program ini bertujuan menyokong Pelan

Jalinan Digital Negara (JENDELA) untuk memantapkan penyediaan infrastruktur digital negara secara am dan di Negeri Melaka secara khusus.

2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya berbesar hati mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Yang Berbhormat Dato' Seri Mahdzir Bin Khalid, Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB); yang sudi hadir untuk bersama-sama meraikan kejayaan pelaksanaan rangkaian jalur lebar anak syarikat milik penuh TNB, Allo Technology Sdn. Bhd. di Negeri Melaka ini.

3. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) khususnya kepada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB kerana telah sudi mengundang saya untuk bersama-sama hadir pada satu majlis yang sangat besar ertinya kepada Negeri Melaka.

4. Sesungguhnya, rakyat dan Negeri Melaka, sangat bertuah kerana diberikan peluang sebagai negeri pertama yang diliputi oleh infrastruktur jalur lebar di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA),

sekali gus dapat menikmati perkhidmatan internet jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB).

5. Sebelum ini, TNB sendiri memilih Negeri Melaka sebagai negeri pertama untuk memasang meter pintar atau *smart meter*, sebelum memperluaskannya ke Lembah Klang dan seluruh negara.
6. Seperti yang disebutkan oleh Pengerusi TNB sebentar tadi, sudah lebih **300,000 meter pintar** dipasang di Negeri Melaka, sekali gus rakyat Melaka adalah antara 700 juta pelanggan bijak di seluruh dunia. Ini

kerana meter pintar dapat membantu rakyat memantau penggunaan elektrik secara harian, lantas boleh merancang dan menguruskan kos penggunaan elektrik secara efisien. Pemasangan meter pintar ini telah menjadikan rakyat Negeri Melaka sebagai yang terkehadapan berbanding penduduk negeri lain.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

RANGKAIAN INFRASTRUKTUR JALUR LEBAR PERINGKAT NEGERI

7. Sebagaimana yang kita sedia maklum, kemudahan internet kini menjadi utiliti asas ketiga yang menjadi kayu pengukur tahap pembangunan dan kemajuan sesuatu lokasi selepas elektrik dan bekalan air. Pada masa ini, kemudahan internet bukan lagi hanya untuk orang bandar atau golongan berada, sebaliknya ia telah menjadi keperluan untuk segenap lapisan masyarakat.

8. Lebih-lebih lagi keperluan ini menjadi semakin penting sejak berlaku pandemik COVID-19 apabila hampir semua perkhidmatan seperti pendidikan, pembelian barangan, pengangkutan awam, pesanan makanan dan bermacam lagi bentuk perkhidmatan dijalankan secara maya atau dalam talian (*online*) yang memerlukan kemudahan akses internet yang pantas. Kesannya, permintaan terhadap perkhidmatan internet telah meningkat secara mendadak.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

9. Sejak kejayaan projek rintis di Jasin, saya difahamkan, sebanyak **17,000 *homepasses*** yang memberi liputan rangkaian gentian optik jalur lebar di kawasan seperti Alor Gajah, Ayer Keroh, Malim Jaya dan beberapa kawasan lain di Jasin. Dengan lebih 95 peratus daripada hampir satu juta penduduk Negeri Melaka menggunakan internet, kemudahan disediakan Allo technology ini membolehkan rakyat mendapat akses dengan cepat, cekap dan efisien kepada maklumat-maklumat penting pelaksanaan grid pintar.

10. Ini membuktikan bahawa Tenaga Nasional Berhad (TNB) ternyata dapat memenuhi komitmennya untuk menyiapkan infrastruktur demi manfaat rakyat bagi menikmati HSBB, sekalipun dalam keadaan kita semua masih berdepan dengan penularan wabak COVID-19.

11. Sesungguhnya, inisiatif ini juga selari dengan misi Kerajaan Negeri Melaka yang berasaskan perkataan **T.E.R.A.S**, iaitu **T**, **Teknologi** dengan memperluaskan inisiatif pintar dan pemerksaan data dalam agenda pembangunan negeri.

12. Pada 8 Mac 2021, Kerajaan Negeri Melaka telah melancarkan **Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya (PSMJ 2035)** di mana, di dalamnya terangkum **8 Flagship** hala tuju pembangunan Negeri Melaka. Inisiatif ini sejajar dengan **flagship yang keempat, iaitu Digital Melaka** yang memfokuskan kepada pemantapan infrastruktur telekomunikasi, pemeraksanaan aplikasi pintar dan kandungan digital (Smart Melaka), tadbir urus digitalisasi kerajaan serta kesedaran masyarakat ke arah pendigitalan.

Tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin sekalian,

PENUTUP

13. Kewujudan infrastruktur ini juga tepat pada masanya apabila **Negeri Melaka terpilih antara 28 bandar di 11 negara sebagai lokasi pelaksanaan Projek Kesedaran dan Demonstrasi Grid Pintar.** Projek yang menempatkan sebuah bandar dilengkapi dengan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Inovatif (ICTI) dikendalikan *Global Environment Facility* (GEF6), iaitu sebahagian daripada komponen bagi Projek Pembangunan Bandar Lestari.

14. Saya ingin menegaskan di sini bahawa Kerajaan Negeri Melaka sangat komited ke arah mentransformasi pembangunan masyarakat digital dan ekonomi digital yang mampan untuk rakyat Negeri Melaka. Akhir kata, saya bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, sekali lagi merakamkan penghargaan yang mendalam kepada pihak Tenaga Nasional Berhad dan Allo Technology Sdn. Bhd di atas penyempurnaan projek rangkaian jalur lebar ini.

15. Dengan lafaz kalimah suci, Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Rangkaian Infrastruktur Gentian Optik Jalur Lebar Allo Technology Peringkat Negeri Melaka Bagi Menyokong Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA).

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ